

Evaluating the Usability of a Student-Centred Leadership Model for Islamic School Leaders in Malaysia

Menilai Kebolegunaan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid untuk Pemimpin Sekolah Agama di Malaysia

Sharifuddin Suhaimi^a, Muhammad Faizal A. Ghani^{a*}, Norfariza Mohd Radzi^a, Amirul Fahmie Abdul Razak^a, Nor Suriyati Masayu Mohd Noor^b

^aJabatan Pengurusan, Perancangan & Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

^bFakulti Sains Kesihatan, Bangunan FSK6, UITM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam, Jln Pesona, 42300, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: mdfaizal@um.edu.my

Article history: Received: 30 January 2026 Received in revised form: 09 April 2026 Accepted: 10 April 2026 Published online: 30 April 2026

Abstract

An effective leadership model should be grounded in a strong theoretical foundation while also being usable and relevant in actual school practice. This study evaluates the usability of the Student-Centred Leadership Model (SCLeaM), which was specifically developed for leaders of Islamic schools in Malaysia, as Phase 3 of a Design and Development Research (DDR) approach. A quantitative survey was conducted involving 62 Islamic school leaders from Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) and Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), using the USE Questionnaire (Lund, 2001), which comprises four domains: usefulness, ease of use, ease of learning, and satisfaction. Descriptive statistics were employed to determine usability scores and percentages. The findings indicate that the overall usability of the SCLeaM model was at a very high level (87.53%), with usefulness recording the highest percentage (89.62%), followed by satisfaction (87.55%), ease of learning (86.69%), and ease of use (86.02%). These results suggest that the SCLeaM model is positively received by the target users and is suitable for application within the context of Islamic school leadership. This study concludes that the SCLeaM model demonstrates strong practical validity and has the potential to serve as a systematic guideline to support student-centred leadership practices in Islamic schools in Malaysia.

Keywords: Usability, student-centred leadership, Islamic schools, Design and Development Research

Abstrak

Model kepimpinan yang berkesan perlu disokong oleh asas teori yang kukuh serta mudah digunakan dan relevan dalam amalan sebenar sekolah. Kajian ini menilai kebolegunaan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid (SCLeaM) yang dibangunkan khusus untuk pemimpin sekolah agama di Malaysia sebagai Fasa 3 dalam pendekatan *Design and Development Research* (DDR). Kajian tinjauan kuantitatif ini melibatkan 62 orang pemimpin sekolah agama daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), menggunakan instrumen *USE Questionnaire* (Lund, 2001) yang merangkumi empat domain, iaitu kebergunaan, mudah guna, mudah belajar dan kepuasan. Data dianalisis secara deskriptif bagi menentukan skor dan peratusan kebolegunaan model. Dapatan menunjukkan penilaian kebolegunaan keseluruhan Model SCLeaM berada pada tahap sangat tinggi (87.53%), dengan kebergunaan mencatat peratusan tertinggi (89.62%), diikuti kepuasan (87.55%), mudah belajar (86.69%) dan mudah guna (86.02%). Dapatan ini menunjukkan bahawa Model SCLeaM diterima secara positif oleh pengguna sasaran dan sesuai diaplikasikan dalam konteks kepimpinan sekolah agama. Kajian ini menyimpulkan bahawa Model SCLeaM mempunyai kesahan praktikal yang kukuh serta berpotensi menjadi panduan sistematik untuk menyokong amalan kepimpinan berfokuskan murid dalam sekolah agama di Malaysia.

Kata kunci: Kebolegunaan, kepimpinan berpusatkan murid, sekolah agama, DDR, *USE Questionnaire*

© 2026 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Kepimpinan sekolah perlu difahami sebagai mekanisme strategik yang menentukan sama ada matlamat pendidikan diterjemahkan dalam amalan seharian sekolah atau sekadar kekal sebagai dasar di peringkat dokumen. Kepimpinan yang kurang berfokuskan keperluan murid berisiko menghasilkan keputusan pentadbiran yang terpisah daripada realiti pembelajaran sebenar. Ini bertepatan pandangan Leithwood dan Jantzi (2008) serta Ash dan Hodge (2016) menjelaskan bahawa keberkesanan sekolah sangat bergantung kepada keupayaan pemimpin membentuk hala tuju dan menyokong pembelajaran murid secara berterusan, manakala Robinson (2011) menegaskan bahawa kepimpinan

yang memberi keutamaan kepada pembelajaran murid menunjukkan kesan yang lebih signifikan berbanding pendekatan kepimpinan yang bersifat pengurusan semata-mata.

Dalam konteks sekolah agama di Malaysia, tuntutan terhadap kepimpinan yang berkesan menjadi lebih kompleks dan bersifat normatif. Kepimpinan sekolah agama tidak boleh dinilai hanya berdasarkan kecekapan pengurusan atau pencapaian akademik, sebaliknya perlu diukur melalui keupayaan membentuk sahsiah, akhlak dan identiti murid selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan dan pendidikan Islam. Sidek Baba (2015) menegaskan bahawa kepimpinan pendidikan Islam menuntut keseimbangan antara ilmu, adab dan nilai, manakala Nasir (2020) menekankan bahawa kegagalan memahami konteks nilai dan budaya sekolah agama akan menjejaskan keberkesanan kepimpinan itu sendiri.

Walaupun literatur kepimpinan pendidikan menawarkan pelbagai model dan kerangka konseptual, kesesuaiannya dalam persekitaran sekolah agama wajar dipersoalkan secara kritikal. Dominasi model kepimpinan berasaskan perspektif barat dan konteks sekolah aris perdana berpotensi menghasilkan jurang antara teori dan amalan di sekolah agama. Bush et al. (2018) menyatakan bahawa model kepimpinan yang dibangunkan tanpa mengambil kira konteks institusi cenderung gagal diaplikasikan secara berkesan, manakala Al-Attas (2014) mengkritik pendekatan pendidikan yang terpisah daripada nilai dan tujuan sebenar pendidikan sehingga mengahakis makna pendidikan itu sendiri.

Keadaan ini menuntut kepada pembangunan sebuah model kepimpinan yang berfokuskan murid serta bersifat kontekstual dan berpaksikan nilai pendidikan Islam. Model Kepimpinan Berpusatkan Murid untuk pemimpin sekolah agama dibangunkan sebagai maklum balas terhadap keperluan tersebut melalui pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang sistematik. Richey dan Klein (2007) menegaskan bahawa pembangunan model pendidikan perlu disertai dengan proses pengesahan yang menyeluruh, manakala Saedah Siraj et al. (2020) menekankan bahawa kesahan kandungan melalui pakar tidak mencukupi tanpa penilaian kebolehgunaan oleh pengguna sebenar yang akan mengaplikasikan model tersebut.

Penilaian kebolehgunaan merupakan komponen penting dalam kajian pembangunan kerana ia menentukan sama ada sesuatu model berfungsi dalam konteks sebenar atau sekadar ideal secara teori. Tanpa penilaian kebolehgunaan, model kepimpinan cenderung menjadi sukar difahami, kurang praktikal dan akhirnya ditinggalkan oleh pengguna sasaran. Gao et al. (2018) menegaskan bahawa persepsi terhadap kebergunaan mempengaruhi penerimaan sesuatu model, manakala Nielsen (2000), Shanklin et al. (2022) dan Siregar (2023) menekankan bahawa kemudahan penggunaan, kemudahan pembelajaran dan kepuasan pengguna merupakan indikator penting kepada penggunaan berterusan sesuatu model.

Berdasarkan keperluan tersebut, kajian ini dijalankan untuk menilai kebolehgunaan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid Pemimpin Sekolah Agama Malaysia sebagai fasa ketiga dalam pendekatan DDR. Penilaian ini memberi tumpuan kepada persepsi pemimpin sekolah agama terhadap aspek kebergunaan, kemudahan penggunaan, kemudahan pembelajaran dan kepuasan pengguna. Dapatan kajian ini diharapkan boleh mengesahkan kesesuaian praktikal model serta menyumbang secara normatif kepada perbincangan tentang bagaimana model kepimpinan sekolah agama seharusnya dibangunkan, dinilai dan diaplikasikan dalam konteks pendidikan Malaysia.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolehgunaan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid yang dibangunkan khusus untuk pemimpin sekolah agama di Malaysia. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menilai kebergunaan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid berdasarkan persepsi pemimpin sekolah agama.
2. Menilai kemudahan penggunaan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid berdasarkan persepsi pemimpin sekolah agama.
3. Menilai kemudahan pembelajaran Model Kepimpinan Berpusatkan Murid berdasarkan persepsi pemimpin sekolah agama.
4. Menilai kepuasan pemimpin sekolah agama terhadap Model Kepimpinan Berpusatkan Murid berdasarkan persepsi pemimpin sekolah agama.
5. Menilai kebolehgunaan keseluruhan Model Kepimpinan Berpusatkan Murid berdasarkan persepsi pemimpin sekolah agama.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan kajian literatur seperti berikut.

2.1 Penilaian Kebolehgunaan dalam Kajian Pembangunan (DDR)

Dalam pendekatan *Design and Development Research* (DDR), penilaian kebolehgunaan merupakan komponen penting pada fasa akhir pembangunan sesuatu produk atau model. Richey dan Klein (2007) menjelaskan bahawa kajian pembangunan bukan sekadar menumpukan kepada penghasilan model, tetapi turut menekankan keperluan untuk menilai kesesuaian dan kebolehlaksanaan model tersebut dalam konteks sebenar pengguna. Oleh itu, penilaian kebolehgunaan berfungsi sebagai mekanisme pengesahan praktikal terhadap model yang dibangunkan.

Beberapa kajian pembangunan dalam bidang pendidikan menunjukkan bahawa model yang tidak dinilai dari aspek kebolehgunaan berpotensi untuk tidak digunakan secara konsisten walaupun mempunyai asas teori yang kukuh. Sebagai perbandingan, terdapat kajian pembangunan Model Kepimpinan Sekolah Orang Asli oleh Salleh dan Razak (2025) yang memasukkan fasa penilaian kebolehgunaan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* sebelum model dicadangkan untuk penggunaan lapangan bagi memastikan kesesuaian komponen dengan konteks sebenar sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa tanpa proses penilaian sebegini, sesuatu model berisiko hanya kekal pada tahap konseptual dan tidak diamalkan secara konsisten di sekolah. Penilaian kebolehgunaan membolehkan penyelidik mengenal pasti sama ada sesuatu model mudah difahami, mudah digunakan dan membantu pengguna dalam amalan sebenar. Hal ini selari dengan prinsip DDR yang menekankan penglibatan pengguna sebenar dalam menilai kualiti dan keberkesanan produk yang dibangunkan.

Selain itu, kajian oleh Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2018) menunjukkan bahawa penilaian kebolegunaan amat penting dalam pembangunan model kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi memastikan model tersebut relevan dengan realiti sekolah. Justeru, penilaian kebolegunaan dalam DDR mengukuhkan kesahan praktikal model serta meningkatkan kebarangkalian pelaksanaan model secara berkesan dan berterusan. Secara ringkas, penilaian kebolegunaan merupakan elemen penting dalam pendekatan DDR bagi memastikan model yang dibangunkan praktikal dan sesuai diaplikasikan dalam konteks sebenar.

2.2 Kepimpinan Berpusatkan Murid dalam Pendidikan

Kepimpinan berpusatkan murid merujuk kepada pendekatan kepimpinan yang meletakkan pembelajaran, kesejahteraan dan perkembangan murid sebagai teras dalam setiap keputusan dan amalan kepimpinan sekolah. Pendekatan ini menuntut pemimpin sekolah untuk berfungsi sebagai pemudah cara yang menyokong persekitaran pembelajaran yang kondusif serta memastikan keperluan murid menjadi fokus utama dalam pengurusan sekolah. Robinson et al. (2008) dan Day dan Sammons (2016) menjelaskan bahawa kepimpinan yang berorientasikan murid mempunyai hubungan yang lebih signifikan dengan pencapaian pembelajaran berbanding kepimpinan yang bersifat pentadbiran semata-mata. Deligiannidou et al. (2020) turut menegaskan bahawa kepimpinan sekolah yang berfokuskan murid menyumbang kepada peningkatan iklim sekolah dan sokongan terhadap pembelajaran murid.

Walaupun konsep kepimpinan berpusatkan murid semakin banyak dibincangkan dalam literatur kepimpinan pendidikan, kesesuaiannya dalam konteks tertentu wajar diteliti secara kritikal. Banyak model kepimpinan yang dibangunkan berasaskan konteks sekolah arus perdana dan kurang mengambil kira keunikan institusi pendidikan berteraskan agama. Bush et al. (2018) menyatakan bahawa model kepimpinan yang tidak mengambil kira konteks organisasi berkecenderungan untuk sukar diaplikasikan secara bermakna. Dalam konteks sekolah agama di Malaysia, Sidek Baba (2011) menegaskan bahawa kepimpinan sekolah tidak boleh terhad kepada hanya pencapaian akademik, sebaliknya perlu merangkumi pembentukan sahsiah, nilai dan akhlak murid. Mhd Omar dan Syed Ismail (2022) turut menekankan bahawa matlamat pendidikan Islam menuntut amalan kepimpinan yang menyepadukan kecemerlangan akademik dengan pembangunan akhlak dan identiti murid secara seimbang.

Walaupun pendekatan kepimpinan berpusatkan murid telah diperincikan dalam model sedia ada seperti yang dibincangkan oleh Robinson (2011), pendekatan tersebut lazimnya dibangunkan dalam konteks sekolah arus perdana dan lebih menekankan pencapaian akademik serta keberkesanan pengajaran. Justeru, model tersebut kurang memberi perhatian kepada dimensi nilai, sahsiah dan pembentukan identiti murid yang menjadi teras dalam pendidikan Islam.

Model SCLeaM yang dibangunkan dalam kajian ini berbeza kerana ia berasaskan konteks sekolah agama dan mengintegrasikan dimensi nilai, akhlak serta pembangunan sahsiah murid sebagai komponen utama dalam kepimpinan sekolah. Berbeza dengan model kepimpinan instruksional yang memberi penekanan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran secara teknikal, model SCLeaM menekankan keseimbangan antara pencapaian akademik dan pembentukan insan beradab selari dengan falsafah pendidikan Islam.

Selain itu, model SCLeaM bukan sekadar kerangka konseptual, tetapi dibangunkan melalui pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang sistematis serta disahkan melalui analisis keperluan, kesepakatan pakar dan penilaian kebolegunaan oleh pengguna sebenar. Pendekatan ini menjadikan model SCLeaM lebih bersifat kontekstual, praktikal dan boleh diaplikasikan secara langsung dalam persekitaran sekolah agama di Malaysia. Oleh itu, keunikan model SCLeaM terletak pada integrasi antara asas falsafah pendidikan Islam, keperluan konteks tempatan dan pembangunan model yang berasaskan bukti empirikal.

2.3 Kebergunaan (*Usefulness*)

Kebergunaan merujuk kepada sejauh mana sesuatu model atau sistem membantu pengguna melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan produktif. Davis (1989) menjelaskan bahawa kebergunaan yang tinggi akan meningkatkan kecenderungan pengguna untuk menerima dan menggunakan sesuatu sistem atau inovasi. Dalam konteks pendidikan, kebergunaan sesuatu model kepimpinan dinilai berdasarkan keupayaannya menyokong pembuatan keputusan, perancangan dan tindakan pemimpin sekolah dalam amalan sebenar.

Kajian oleh Venkatesh et al. (2003) serta Shahril dan Makhbul (2025) menunjukkan bahawa persepsi terhadap kebergunaan merupakan peramal utama penerimaan sesuatu model atau sistem dalam organisasi. Dalam kajian pendidikan pula, beberapa kajian seperti kajian Mat (2018) mendapati bahawa model kepimpinan yang dianggap berguna oleh pemimpin sekolah cenderung diaplikasikan secara konsisten kerana ia membantu menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi dalam pengurusan sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa kebergunaan bukan sekadar aspek teori, tetapi berkait rapat dengan keperluan praktikal pengguna.

Dalam konteks kepimpinan sekolah, kebergunaan sesuatu model menjadi lebih signifikan apabila model tersebut dapat berfungsi sebagai garis panduan yang jelas dan mudah dirujuk. Oleh itu, penilaian kebergunaan penting bagi memastikan model kepimpinan yang dibangunkan menyokong peranan pemimpin sekolah agama dalam melaksanakan kepimpinan berfokuskan murid secara berkesan.

2.4 Mudah Guna (*Ease of Use*)

Mudah guna merujuk kepada sejauh mana sesuatu model boleh digunakan tanpa memerlukan usaha yang berlebihan atau prosedur yang rumit. Davis (1989) menyatakan bahawa sistem atau model yang mudah digunakan akan meningkatkan kebarangkalian pengguna untuk menggunakannya secara berterusan. Dalam konteks pendidikan, kemudahan penggunaan menjadi faktor penting kerana pemimpin sekolah sering berhadapan dengan kekangan masa dan beban tugas yang tinggi.

Kajian lepas menunjukkan bahawa model kepimpinan yang sukar difahami sering menghadapi kesukaran untuk diaplikasikan dalam amalan sebenar walaupun mempunyai asas teori yang kukuh. Davis (1989) turut menjelaskan bahawa tahap kefahaman pengguna terhadap sesuatu model mempengaruhi penerimaan dan kecenderungan untuk menggunakannya dalam amalan sebenar. Sebaliknya, model kepimpinan yang mesra pengguna dan fleksibel lebih mudah diterima dan diaplikasikan oleh pemimpin sekolah. Nielsen (1996) dan Wang et al. (2019) menegaskan bahawa struktur yang jelas dan penggunaan bahasa yang mudah difahami membantu meningkatkan kebolegunaan sesuatu model, manakala Liu dan Liu (2025) menunjukkan bahawa pengalaman penggunaan yang positif menyumbang kepada penerimaan pengguna secara berterusan dalam konteks pendidikan.

Secara ringkas, aspek mudah guna merupakan faktor penting yang mempengaruhi penerimaan dan pelaksanaan sesuatu model kepimpinan dalam amalan sebenar sekolah. Oleh itu, model kepimpinan yang mesra pengguna, jelas dari segi struktur dan mudah difahami berpotensi untuk diaplikasikan secara lebih konsisten oleh pemimpin sekolah.

2.5 Mudah Belajar (Ease of Learning)

Mudah belajar merujuk kepada keupayaan pengguna untuk memahami dan mempelajari sesuatu model dalam tempoh masa yang singkat. Nielsen (1996) menyatakan bahawa kemudahan pembelajaran merupakan elemen penting dalam kebolehgunaan kerana pengguna cenderung menolak sistem atau model yang memerlukan latihan yang panjang dan kompleks. Dalam konteks pendidikan, aspek ini amat penting memandangkan pemimpin sekolah mempunyai latar belakang, pengalaman dan tahap pendedahan yang berbeza.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa model pendidikan yang mudah dipelajari meningkatkan keyakinan pengguna untuk mengaplikasikannya dalam amalan harian. Grau et al. (2021) menjelaskan bahawa struktur yang tersusun dan kejelasan konsep membantu pengguna memahami fungsi sesuatu model dengan lebih cepat. Nielsen (1996) turut menegaskan bahawa penggunaan istilah yang jelas serta panduan pelaksanaan yang ringkas menyumbang kepada penerimaan dan penggunaan model secara berterusan.

Secara ringkas, aspek mudah belajar mempengaruhi kesediaan pengguna untuk memahami dan mengaplikasikan sesuatu model dalam konteks sebenar. Oleh itu, penilaian mudah belajar penting bagi memastikan sesuatu model boleh difahami dan digunakan oleh pemimpin sekolah agama walaupun melalui sesi taklimat yang minimum.

2.6 Kepuasan (Satisfaction)

Kepuasan merujuk kepada tahap keselesaan dan penerimaan pengguna terhadap sesuatu model selepas menggunakannya dalam konteks sebenar. Grier et al. (2013) menjelaskan bahawa kepuasan pengguna mencerminkan pengalaman keseluruhan terhadap sesuatu sistem atau model, termasuk aspek kejelasan, keberkesanan dan kesesuaian dengan keperluan pengguna. Dalam kajian kebolehgunaan, tahap kepuasan sering dikaitkan dengan kecenderungan pengguna untuk terus menggunakan sesuatu model secara berterusan.

Kajian dalam bidang pendidikan menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang berpuas hati dengan sesuatu model kepimpinan lebih cenderung untuk mengesyorkan model tersebut kepada rakan sekerja serta mengintegrasikannya dalam amalan pengurusan sekolah. Kajian Subekti et al. (2025) menunjukkan bahawa apabila model dilihat relevan dan berimpak (meningkatkan mutu sekolah, motivasi guru dan komitmen organisasi), ia disyorkan untuk dilaksanakan lebih meluas melalui program latihan dan mentoring pemimpin. Kajian Mishra et al. (2023) menunjukkan bahawa kepuasan pengguna menjadi faktor penting dalam penerimaan dan penggunaan berterusan sesuatu sistem. Kepuasan yang tinggi juga menandakan bahawa model tersebut memenuhi jangkaan pengguna dan relevan dengan konteks sebenar organisasi pendidikan.

Dalam konteks sekolah agama, kepuasan pengguna menjadi indikator penting bagi menilai kesediaan sesuatu model kepimpinan untuk diaplikasikan secara lebih meluas. Kajian Hidayat et al. (2025) menegaskan bahawa penerimaan positif pengguna terhadap sesuatu model pendidikan mencerminkan kesesuaian praktikal model tersebut dalam konteks amalan sebenar. Penerimaan ini ditafsir sebagai asas kepada penggunaan berterusan dalam sekolah berasaskan agama, apabila model yang digunakan selari dengan amalan pengurusan harian sekolah. Oleh itu, penilaian kepuasan dalam kajian ini membantu mengesahkan penerimaan pemimpin sekolah agama terhadap Model Kepimpinan Berpusatkan Murid yang dibangunkan.

Secara ringkas, tahap kepuasan pengguna mencerminkan penerimaan dan kesediaan pemimpin sekolah untuk mengaplikasikan sesuatu model kepimpinan dalam amalan sebenar. Justeru, penilaian kepuasan penting bagi memastikan model kepimpinan pendidikan relevan, diterima dan berpotensi digunakan secara berterusan di sekolah agama.

2.7 Model Kepimpinan Berpusatkan Murid (SCLeaM)

Berdasarkan sorotan literatur, fasa keperluan dan fasa pembangunan terdahulu, satu Model SCLeaM telah dibangunkan dalam kajian ini. Rajah 1 menunjukkan struktur dan komponen utama model kepimpinan berpusatkan murid yang dinilai kebolehgunaan dalam kajian ini.

DOMAIN & SUBDOMAIN		BIL. ITEM
1. MERAIKAN KEPELAGALAN		21
i	Amalan dan Tingkah Laku Inklusif	10
ii	Sikap dan Persepsi Terhadap Kepelembagaan	11
2. MENYERAJUI VISI DAN MISI SEKOLAH SERTA PERKONGSIAN NILAI		55
i	Pembinaan Visi dan Misi	14
ii	Visi dan Misi Dibebar Luas	11
iii	Penyataan Visi Dan Misi yang Jelas	11
iv	Perkongsi Nilai	19
3. MEMIMPIN PENGHARAPAN TINGGI TERHADAP SEKOLAH		40
i	Memimpin Jangkaan yang Tinggi dalam Sensus Keadaan	15
ii	Menerajui Penyempurnaan Pengharapan yang Tinggi	25
4. MENYERAJUI KATYUP PENGALAMAN DAN PEMBELAJARAN		57
i	Memimpin Pelaksanaan PJP dan Latihan Murid	21
ii	Memimpin Berfokuskan pada Pencapaian Murid	16
iii	Memaksimumkan Waktu Pengajaran dan Pembelajaran	14
5. MENYERAJUI PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI GURU		35
i	Menerajui Tindakan untuk Menganalisis Keperluan Program	11
ii	Memimpin Kelestarian	14
iii	Menerajui Pelaksanaan Program	10
6. MENYERAJUI HAK MURID		38
i	Menjaga Hak Murid	15
ii	Menerajui Tindakan dengan Memberi Jawatan kepada Murid	13
iii	Menerajui Tindakan Kawalan Kerja Murid secara Terkawal	10
7. MEMIMPIN SUMBER SEKOLAH		72
i	Memimpin Sumber Manusia untuk Memaksimumkan Pembelajaran Murid	17
ii	Memimpin Sumber Secara Sistematik (ICT, Data dan Kewangan)	40
iii	Memimpin Dana dan Maklumat untuk Membangunkan Kompetensi Guru	15
8. KEPIMPINAN PEMIMPIN SEKOLAH AGAMA YANG PROFESIONAL		78
i	Kolaboratif dan Kolektif	19
ii	Memimpin Tindakan Berkongsi Tanggungjawab	18
iii	Memimpin Kendiri	30
iv	Menerajui Kemahiran Berfikir Fihartirik	11
9. MEMIMPIN PERSEKITARAN IKLIM SEKOLAH YANG KONDISIF		46
i	Peraturan yang Tidak Mengongkong	24
ii	Hubungan Harmonis dalam Kalangan Warga Sekolah	11
iii	Kemudahan yang Meskura dan Betah Diguna Pakai	11
10. MEMIMPIN PERMUAFAKATAN DENGAN PEMEGANG TARUHI		24
i	Memimpin Jalanan	10
ii	Menerajui Jaringan	14
JUMLAH KESELURUHAN ITEM: 460		

Rajah 1 Model Kepimpinan Berpusatkan Murid (SCLeaM)**3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Bahagian ini menerangkan pendekatan metodologi yang digunakan dalam penilaian kebolegunaan Model SCLeaM.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan bagi menilai kebolegunaan Model SCLeaM. Penilaian kebolegunaan ini dilaksanakan sebagai Fasa 3 dalam pendekatan DDR, yang bertujuan menilai kesesuaian dan kebolehlaksanaan model daripada perspektif pengguna sebenar.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 62 orang pemimpin sekolah agama yang merangkumi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pemilihan responden dibuat secara persampelan bertujuan berdasarkan kriteria pengalaman kepimpinan, iaitu sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang kepimpinan sekolah. Pemilihan ini bertujuan memastikan responden mempunyai pengalaman dan kefahaman yang mencukupi untuk menilai kebolegunaan model SCLeaM secara bermakna.

Walaupun saiz sampel adalah sederhana, ia adalah memadai bagi kajian penilaian kebolegunaan yang berfokus kepada persepsi pengguna terhadap model yang dibangunkan. Lund (2001) serta Creswell dan Clark (2017) menyatakan bahawa saiz antara 30 hingga 100 responden adalah mencukupi bagi tujuan penilaian kebolegunaan dalam kalangan kumpulan sasaran. Dalam konteks kajian pembangunan seperti *Design and Development Research* (DDR), saiz sampel tidak bertujuan untuk membuat generalisasi kepada populasi yang lebih luas, sebaliknya menilai kesesuaian dan kebolehlaksanaan model dalam kalangan pengguna sasaran (Richey & Klein, 2007). Oleh itu, bilangan 62 responden dalam kajian ini adalah mencukupi untuk memberikan penilaian yang bermakna terhadap kebolegunaan model SCLeaM dalam konteks sekolah agama.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan persampelan bertujuan berpotensi memperkenalkan bias pemilihan kerana responden dipilih berdasarkan kriteria tertentu dan mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi pemimpin sekolah agama. Namun, pendekatan ini adalah sesuai dengan tujuan kajian yang berfokus kepada penilaian kebolegunaan model dalam kalangan pengguna yang mempunyai pengalaman dan kefahaman yang relevan. Dalam konteks kajian pembangunan seperti DDR, pemilihan responden yang berpengalaman adalah penting bagi memastikan penilaian yang diberikan adalah bermakna dan berasaskan amalan sebenar. Oleh itu, walaupun terdapat keterbatasan dari segi generalisasi, dapatan kajian ini tetap memberi gambaran yang signifikan terhadap kebolegunaan model SCLeaM dalam konteks pengguna sasaran.

3.3 Instrumen Kajian

Soal selidik USE *Questionnaire* oleh Lund (2001) telah digunakan untuk menilai kebolegunaan model SCLeaM. Pemilihan pendekatan penilaian kebolegunaan adalah selaras dengan tujuan kajian ini yang memfokuskan kepada sejauh mana model yang dibangunkan boleh digunakan secara praktikal oleh pemimpin sekolah, bukan sekadar menilai kesesuaian model pada peringkat teori. Penilaian kebolegunaan membolehkan penyelidik menilai penerimaan pengguna terhadap model dari aspek fungsi, kemudahan dan pengalaman penggunaan yang merupakan elemen penting dalam memastikan sesuatu model pendidikan dapat diaplikasikan secara berkesan dalam konteks sebenar. Pendekatan ini juga selari dengan prinsip dalam *Technology Acceptance Model* (TAM) yang menekankan persepsi kegunaan dan kemudahan penggunaan sebagai penentu utama penerimaan sesuatu inovasi.

Instrumen ini mengandungi 21 item merangkumi empat konstruk utama, iaitu: (i) Kebergunaan (*Usefulness*), (ii) Kemudahan Penggunaan (*Ease of Use*), (iii) Kemudahan Pembelajaran (*Ease of Learning*), dan (iv) Kepuasan (*Satisfaction*). Pemilihan empat konstruk ini adalah berasaskan kerangka teori kebolegunaan yang menekankan bahawa sesuatu sistem atau model yang efektif perlu bukan sahaja berguna, tetapi juga mudah digunakan, mudah dipelajari dan memberikan pengalaman yang memuaskan kepada pengguna. Konstruk kebergunaan dan kemudahan penggunaan mempunyai hubungan langsung dengan konsep asas dalam TAM, manakala kemudahan pembelajaran dan kepuasan pula melengkapkan dimensi pengalaman pengguna yang lebih menyeluruh dalam konteks penggunaan sebenar model pendidikan. Instrumen ini telah diadaptasi bagi kesesuaian konteks pendidikan sekolah agama dan disokong oleh kajian semasa seperti Ruslan et al. (2024) yang turut menggunakan versi empat domain USE dalam penilaian model pendidikan.

Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen, satu kajian rintis telah dijalankan melibatkan 30 orang guru sekolah menengah agama di Kuala Lumpur, selaras dengan saranan Johanson dan Brooks (2010) yang mencadangkan antara 5 hingga 30 responden bagi kajian rintis. Dapatan kajian rintis menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* keseluruhan sebanyak 0.943 yang mencerminkan tahap kebolehpercayaan instrumen yang sangat tinggi, sekali gus menunjukkan bahawa item yang digunakan adalah konsisten dan sesuai untuk mengukur kebolegunaan model SCLeaM dalam konteks kajian ini.

3.4 Etika Kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan yang melibatkan manusia. Semua responden telah dimaklumkan tentang tujuan kajian dan penyertaan mereka adalah secara sukarela, serta persetujuan bermaklumat telah diperolehi sebelum pengumpulan data dijalankan. Kerahsiaan dan identiti responden dirahsiakan dengan memastikan maklumat peribadi tidak didedahkan dan data dianalisis dalam bentuk agregat. Kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya (UMREC) dengan nombor rujukan UM.TNC2/UMREC_4078.

3.5 Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi memperoleh skor dan peratusan kebolehgunaan bagi setiap item dan domain penilaian. Setiap item dinilai menggunakan skala Likert lima mata seperti yang dicadangkan oleh Vagias (2006), iaitu: (i) Sangat Tidak Setuju (STS), (ii) Tidak Setuju (TS), (iii) Sederhana Setuju (SDS), (iv) Setuju (S), dan (v) Sangat Setuju (SS). Data yang diperoleh daripada soal selidik dikumpulkan dan dianalisis bagi menentukan skor dan peratusan kebolehgunaan bagi setiap domain serta keseluruhan model.

Pendekatan analisis deskriptif ini Adalah selaras dengan tujuan kajian yang memfokuskan kepada penilaian kebolehgunaan model SCLeaM berdasarkan persepsi pengguna. Dalam konteks kajian pembangunan seperti DDR, analisis deskriptif adalah mencukupi untuk menilai kesesuaian dan kebolehlaksanaan model dalam kalangan pengguna sasaran. Oleh itu, analisis inferensi seperti korelasi atau perbandingan □umpulan tidak dilaksanakan kerana kajian ini tidak bertujuan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah atau membuat generalisasi kepada populasi yang lebih luas.

Hasil analisis ini digunakan untuk menilai sejauh mana Model SCLeaM dapat diterima, difahami dan berpotensi digunakan oleh pemimpin sekolah dalam melaksanakan kepimpinan berpusatkan murid.

3.5.1 Pengiraan Skor Domain

Skor bagi setiap item dalam soal selidik kebolehgunaan dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Skor} = (\text{Bilangan SS} \times 5) + (\text{Bilangan S} \times 4) + (\text{Bilangan SDS} \times 3) + (\text{Bilangan TS} \times 2) + (\text{Bilangan STS} \times 1)$$

Sebagai contoh, bagi item Kebergunaan 1, sekiranya bilangan responden bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

$$\text{SS} = 33, \text{S} = 29, \text{SDS} = 0, \text{TS} = 0, \text{STS} = 0,$$

maka skor item dikira seperti berikut:

Kebergunaan 1:

$$\text{Skor} = (33 \times 5) + (29 \times 4) + (0 \times 3) + (0 \times 2) + (0 \times 1) = 277$$

3.5.2 Penentuan Peratusan Skor

Peratusan skor bagi setiap item dan domain dikira untuk menentukan kebolehgunaan model menggunakan formula berikut:

$$\text{Peratus Skor} = (\text{Skor Terkumpul} \div \text{Skor Maksimum}) \times 100$$

Skor maksimum bagi setiap item ditentukan dengan mendarabkan bilangan responden kajian dengan nilai maksimum skala Likert (5). Sebagai contoh, bagi item Kebergunaan 1:

$$\text{Skor Maksimum} = 62 \times 5 = 310$$

$$\text{Peratusan Skor} = (277 \div 310) \times 100\% = 89.4\%$$

Kebolehgunaan model ditafsir berdasarkan interpretasi peratusan skor yang diperoleh daripada penilaian responden dan digunakan secara konsisten bagi semua item dan domain kajian. Jadual 1 menunjukkan panduan interpretasi kebolehgunaan model berdasarkan peratusan skor yang diperoleh.

Jadual 1 Interpretasi Kebolehgunaan Model

Peratus (%)	Interpretasi Kebolehgunaan
85 – 100	Sangat Tinggi
75 – 84.99	Tinggi
60 – 74.99	Sederhana
40 – 59.99	Rendah
0 – 39.99	Sangat Rendah

Interpretasi ini diadaptasi daripada Muhammad Faizal A Ghani (2019) dan digunakan sebagai panduan untuk mentafsir tahap kebolehgunaan model berdasarkan penilaian persepsi pengguna.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah dijalankan.

4.1 Kebergunaan (*Usefulness*)

Jadual 2 menunjukkan taburan skor bagi domain Kebergunaan.

Jadual 2Skor Domain Kebergunaan (Usefulness)

Item	STS	TS	SDS	S	SS	Skor	Peratus Skor	Interpretasi
Model ini membimbing saya memimpin sekolah agama dengan lebih efektif	0	0	0	33	29	277	89.35	Sangat Tinggi
Model ini membimbing saya menjadi lebih produktif dalam memimpin sekolah agama	0	0	0	33	29	277	89.35	Sangat Tinggi
Model ini berguna untuk membimbing saya memimpin sekolah agama	0	0	0	31	31	279	90.00	Sangat Tinggi
Model ini membimbing saya memimpin dengan lebih berfokus	0	0	1	28	33	280	90.32	Sangat Tinggi
Model ini membimbing saya memimpin dengan lebih mudah	0	0	1	31	30	277	89.35	Sangat Tinggi
Model ini memenuhi keperluan saya sebagai pemimpin sekolah agama	0	0	1	31	30	277	89.35	Sangat Tinggi
Jumlah	0	0	3	187	182	1667	89.62	Sangat Tinggi

Jumlah skor keseluruhan bagi domain Kebergunaan ialah 1667 daripada skor maksimum 1860, menghasilkan peratusan keseluruhan sebanyak 89.62% pada tahap kebolegunaan sangat tinggi. Skor purata item ialah 278 dengan skor minimum 277 dan maksimum 280, menunjukkan tahap konsistensi penilaian yang tinggi dalam kalangan responden bagi semua item. Dapatan ini menunjukkan bahawa model SCLeAM bukan sahaja dianggap berguna, malah berfungsi secara menyeluruh sebagai panduan yang menyokong pemimpin sekolah agama dalam melaksanakan kepimpinan dengan lebih efektif, produktif dan berfokus.

Keadaan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh struktur model yang jelas serta kandungan yang selari dengan keperluan sebenar pemimpin sekolah agama. Item yang mencatat skor tertinggi, iaitu “model ini membimbing saya memimpin dengan lebih berfokus” (90.32%), menunjukkan bahawa model membantu pemimpin menetapkan keutamaan kepimpinan secara lebih terarah. Dalam persekitaran sekolah agama yang menggabungkan tuntutan akademik dan pembangunan sahsiah, keupayaan model menyediakan hala tuju yang jelas menjadi faktor penting kepada persepsi kebergunaan yang tinggi. Implikasinya, model SCLeAM berpotensi menjadi rujukan praktikal yang menyokong proses membuat keputusan, perancangan tindakan dan pelaksanaan kepimpinan berpusatkan murid secara lebih sistematik dan konsisten.

4.2 Mudah Guna (Ease of Use)

Jadual 3 menunjukkan taburan skor bagi domain Mudah Guna.

Jadual 3 Skor Domain Mudah Guna (Ease of Use)

Item	STS	TS	SDS	S	SS	Skor	Peratus Skor	Interpretasi
Model ini mudah untuk digunakan	0	0	8	27	27	267	86.13	Sangat Tinggi
Model ini praktikal untuk digunakan	0	0	6	27	29	271	87.42	Sangat Tinggi
Model ini mesra pengguna	0	0	10	27	25	263	84.84	Tinggi
Model ini fleksibel untuk dilaksanakan	0	0	9	29	24	263	84.84	Tinggi
Model ini relevan dengan keperluan pelbagai peringkat pemimpin sekolah agama	0	0	2	40	20	266	85.81	Sangat Tinggi
Model ini berupaya dilaksanakan oleh pemimpin sekolah agama lain	0	0	4	33	25	269	86.77	Sangat Tinggi
Jumlah	0	0	39	183	150	1599	86.02	Sangat Tinggi

Jumlah skor keseluruhan bagi domain Mudah Guna ialah 1599 daripada skor maksimum 1860, menghasilkan peratusan keseluruhan sebanyak 86.02% pada tahap kebolegunaan sangat tinggi. Skor purata item ialah 266.5 dengan skor minimum 263 dan maksimum 271, menunjukkan penilaian yang relatif konsisten walaupun terdapat sedikit variasi antara item. Walaupun dua item berada pada tahap tinggi (84.84%), dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa model ini praktikal dan boleh digunakan dalam amalan sebenar.

Situasi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh reka bentuk model yang tidak terlalu kompleks serta penggunaan elemen yang dekat dengan pengalaman sebenar pemimpin sekolah. Item yang lebih rendah berkaitan aspek “mesra pengguna” dan “fleksibel” memberi petunjuk bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dari segi kebolehsuaian model dalam pelbagai situasi sekolah. Dalam realiti institusi pendidikan Islam yang berhadapan dengan kekangan masa, sumber dan kepelbagaian latar organisasi, aspek fleksibiliti menjadi kritikal untuk memastikan model dapat digunakan secara meluas. Implikasinya, walaupun model mudah digunakan, penambahbaikan pada garis panduan pelaksanaan dan contoh aplikasi berpotensi meningkatkan lagi kebolehlaksanaan model dalam pelbagai konteks sekolah agama.

4.3 Mudah Belajar (*Ease of Learning*)

Jadual 4 menunjukkan taburan skor bagi domain Mudah Belajar.

Jadual 4 Skor Domain Mudah Belajar (*Ease of Learning*)

Item	STS	TS	SDS	S	SS	Skor	Peratus Skor	Interpretasi
Model ini cepat dipelajari oleh pemimpin sekolah agama untuk pengaplikasian menerusi sesi taklimat	0	0	4	32	26	270	87.10	Sangat Tinggi
Model ini mudah diingati mengenai strategi pengaplikasian kerana kejelasan kandungan model	0	0	5	35	22	265	85.48	Sangat Tinggi
Model ini mudah dipelajari untuk pengaplikasian	0	0	6	30	26	268	86.45	Sangat Tinggi
Model ini berupaya meningkatkan kompetensi kepimpinan pemimpin sekolah agama	0	0	2	34	26	272	87.74	Sangat Tinggi
Jumlah	0	0	17	131	100	1075	86.69	Sangat Tinggi

Jumlah skor keseluruhan bagi domain Mudah Belajar ialah 1075 daripada skor maksimum 1240, menghasilkan peratusan keseluruhan sebanyak 86.69% pada tahap kebolegunaan sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa model SCLeaM mudah dipelajari dan difahami oleh pemimpin sekolah agama, dengan variasi skor yang kecil antara item menandakan persepsi yang konsisten terhadap kemudahan pembelajaran model.

Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh susunan kandungan model yang sistematik serta penggunaan konsep yang jelas dan tidak terlalu abstrak. Item berkaitan peningkatan kompetensi kepimpinan mencatat skor tertinggi (87.74%), menunjukkan bahawa pemahaman terhadap model turut dikaitkan dengan peningkatan keupayaan kepimpinan. Dalam konteks sekolah agama yang mempunyai pemimpin dengan latar pengalaman yang berbeza, kemudahan pembelajaran ini penting bagi memastikan model dapat digunakan walaupun melalui pendedahan yang minimum. Implikasinya, model SCLeaM mempunyai potensi tinggi untuk diperluaskan penggunaannya kerana tidak memerlukan latihan intensif, sekali gus memudahkan proses penyebaran dan pengadaptasian dalam sistem pendidikan sekolah agama.

4.4 Kepuasan (*Satisfaction*)

Jadual 5 menunjukkan taburan skor bagi domain Kepuasan.

Jadual 5 Skor Domain Kepuasan (*Satisfaction*)

Item	STS	TS	SDS	S	SS	Skor	Peratus Skor	Interpretasi
Model ini mudah dilaksanakan dengan mencapai objektif pengaplikasian model secara cekap dan berkesan	0	0	2	37	23	269	86.77	Sangat Tinggi
Model ini akan dicadangkan kepada rakan lain dalam aspek pengaplikasian	0	0	1	35	26	273	88.06	Sangat Tinggi
Model ini menggembirakan pemimpin sekolah agama untuk tujuan pengaplikasian	0	0	3	33	26	271	87.42	Sangat Tinggi
Model ini memudahkan pemimpin sekolah agama memimpin sekolah kerana bercorak garis panduan bertulis	0	0	2	37	23	269	86.77	Sangat Tinggi
Model ini dibangunkan sebagai suatu keperluan semasa	0	0	0	35	27	275	88.71	Sangat Tinggi
Jumlah	0	0	8	177	125	1357	87.55	Sangat tinggi

Jumlah skor keseluruhan bagi domain Kepuasan ialah 1357 daripada skor maksimum 1550, menghasilkan peratusan keseluruhan sebanyak 87.55% pada tahap kebolegunaan sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan tahap kepuasan pengguna yang sangat positif terhadap model SCLeaM, dengan semua item berada pada tahap sangat tinggi.

Hal ini berkemungkinan dipengaruhi oleh keupayaan model memenuhi keperluan sebenar pemimpin sekolah serta kesesuaiannya dengan konteks pengurusan sekolah agama. Item “model ini dibangunkan sebagai suatu keperluan semasa” mencatat skor tertinggi (88.71%), menunjukkan bahawa pengguna melihat model ini sebagai relevan dengan cabaran semasa dalam kepimpinan pendidikan. Dalam persekitaran sekolah agama yang menuntut keseimbangan antara akademik dan pembentukan sahsiah, pengalaman penggunaan yang positif ini mencerminkan penerimaan model secara menyeluruh. Implikasinya, tahap kepuasan yang tinggi meningkatkan kebarangkalian model ini digunakan secara berterusan serta disyorkan kepada pemimpin sekolah lain dalam sistem pendidikan yang sama.

4.5 Kebolegunaan Keseluruhan Model

Jadual 6 memaparkan analisis peratusan bagi setiap domain kebolegunaan.

Jadual 6 Analisis Peratusan Kebolehgunaan Mengikut Domain

Domain	Skor Terkumpul	Skor Maksimum	Peratus (%)	Interpretasi
Kebergunaan	1667	1860	89.62	Sangat Tinggi
Mudah Guna	1599	1860	86.02	Sangat Tinggi
Mudah Belajar	1075	1240	86.69	Sangat Tinggi
Kepuasan	1357	1550	87.55	Sangat Tinggi
Keseluruhan	5698	6510	87.53	Sangat Tinggi

Jumlah skor keseluruhan bagi semua domain ialah 5698 daripada skor maksimum 6510, menghasilkan peratusan keseluruhan sebanyak 87.53% yang menunjukkan bahawa Model SCLeaM mempunyai tahap kebolehgunaan yang sangat tinggi. Dapatan ini mencerminkan penerimaan positif pengguna terhadap model merentasi semua dimensi kebolehgunaan, iaitu kebergunaan, kemudahan penggunaan, kemudahan pembelajaran dan kepuasan.

Situasi ini menunjukkan bahawa model SCLeaM bukan sahaja memenuhi keperluan fungsi, tetapi juga mudah digunakan, mudah difahami dan memberikan pengalaman penggunaan yang positif kepada pemimpin sekolah agama. Dalam konteks pendidikan sekolah agama yang berhadapan dengan cabaran kompleks, dapatan ini menunjukkan bahawa model yang dibangunkan adalah selari dengan realiti amalan kepimpinan. Implikasinya, model SCLeaM berpotensi untuk diaplikasikan secara meluas sebagai panduan sistematik dalam menyokong pelaksanaan kepimpinan berpusatkan murid di sekolah agama Malaysia.

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan menilai kebolehgunaan Model SCLeaM yang dibangunkan khusus untuk konteks sekolah agama di Malaysia. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa kebolehgunaan model berada pada tahap sangat tinggi berdasarkan persepsi pengguna, seterusnya menandakan penerimaan yang positif dalam kalangan pemimpin sekolah agama. Dapatan ini menunjukkan bahawa model SCLeaM berpotensi digunakan secara meluas serta selari dengan keperluan amalan kepimpinan semasa di sekolah agama. Dalam kajian pembangunan, penilaian kebolehgunaan merupakan komponen penting bagi memastikan sesuatu model bukan sahaja sah dari sudut teori, tetapi juga sesuai digunakan dalam konteks sebenar (Richey dan Klein, 2007). Hariyanto et al. (2020) turut menyatakan bahawa dapatan kebolehgunaan yang tinggi mencerminkan kesesuaian praktikal sesuatu model untuk diaplikasikan oleh pengguna sebenar dalam organisasi pendidikan.

Bagi domain kebergunaan, peratusan tertinggi yang direkodkan menunjukkan bahawa model SCLeaM membantu pemimpin sekolah agama melaksanakan kepimpinan yang lebih fokus, produktif dan berkesan. Hal ini mencerminkan bahawa struktur model yang jelas serta penekanan kepada keperluan murid sebagai teras kepimpinan, sekali gus memudahkan pemimpin menetapkan keutamaan dalam pengurusan sekolah. Dapatan ini selari dengan Robinson et al. (2008) serta Robinson dan Gray (2019) yang menegaskan bahawa kepimpinan berorientasikan murid menyokong pembuatan keputusan yang lebih bermakna terhadap pembelajaran. Ayanda dan Yaw (2025) turut menegaskan bahawa kepimpinan yang berfungsi sebagai panduan praktikal memberi kesan positif terhadap keberkesanan sekolah. Dalam konteks sekolah agama, tahap kebergunaan yang tinggi ini mencerminkan keselarasan kandungan model dengan realiti pentadbiran sekolah serta keperluan kepimpinan berasaskan nilai dan matlamat pendidikan Islam, sebagaimana ditekankan oleh Sidek Baba (2011) dan Mhd Omar dan Syed Ismail (2022).

Dari segi mudah guna, dapatan menunjukkan bahawa model SCLeaM dinilai sebagai praktikal dan mesra pengguna, walaupun terdapat ruang penambahbaikan dari aspek fleksibiliti pelaksanaan. Hal ini mungkin disebabkan oleh reka bentuk model yang tersusun dan tidak terlalu kompleks, yang seterusnya mengurangkan halangan penggunaan dalam amalan sebenar. Dapatan ini selari dengan Mishra et al. (2023) yang menunjukkan bahawa kemudahan penggunaan mempengaruhi kecenderungan pengguna untuk menerima dan menggunakan sesuatu model secara berterusan. Keith et al. (2017) pula menjelaskan bahawa struktur yang jelas dan tidak kompleks membantu mengurangkan halangan penggunaan dalam amalan sebenar. Dalam persekitaran sekolah agama yang berhadapan dengan kekangan masa dan sumber, kemudahan penggunaan ini menjadi faktor penting. Hal ini menyokong kebolehlaksanaan model dalam pelbagai situasi kepimpinan.

Bagi domain mudah belajar, dapatan menunjukkan bahawa model SCLeaM boleh difahami dan dipelajari dengan cepat oleh pemimpin sekolah agama. Situasi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh kejelasan struktur model serta penggunaan konsep yang mudah difahami dan tidak terlalu abstrak. Dapatan ini menyokong pandangan Suparman (2020) yang menegaskan bahawa kemudahan pembelajaran merupakan prasyarat penting kepada penerimaan sesuatu model, khususnya dalam kalangan pengguna yang mempunyai kekangan masa. Kajian Suroso dan Ramandha (2025) turut menyatakan bahawa model yang mudah dipelajari meningkatkan keyakinan pengguna untuk mengaplikasikannya dalam amalan harian. Dalam konteks kajian ini, kemudahan pembelajaran membolehkan pemimpin sekolah memahami dan mengaplikasikan model walaupun melalui sesi taklimat yang minimum, yang seterusnya mencerminkan peningkatan potensi penggunaan model secara meluas.

Dapatan bagi domain kepuasan menunjukkan penerimaan pengguna yang sangat positif terhadap model SCLeaM. Tahap kepuasan yang tinggi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh kesesuaian model dengan keperluan sebenar pemimpin sekolah serta keselarasan dengan konteks pendidikan sekolah agama. Veeramootoo et al. (2018) menjelaskan bahawa kepuasan pengguna mencerminkan pengalaman keseluruhan terhadap sesuatu model dan mempengaruhi penggunaan berterusan. Kajian Ho et al. (2019) turut menunjukkan bahawa kepuasan yang tinggi meningkatkan kebarangkalian pengguna untuk mencadangkan dan mengintegrasikan sesuatu sistem dalam amalan organisasi. Dalam konteks sekolah agama, dapatan ini menunjukkan kesediaan pemimpin sekolah untuk menggunakan model SCLeaM sebagai panduan kepimpinan secara berterusan.

Walaupun dapatan menunjukkan kebolehgunaan Model SCLeaM yang sangat tinggi, pencapaian ini perlu ditafsir secara kritikal. Salah satu kemungkinan ialah kewujudan bias respons seperti *social desirability bias*, di mana responden mungkin memberikan penilaian

yang lebih positif selaras dengan jangkaan profesional atau sokongan terhadap inisiatif pendidikan. Selain itu, konteks sekolah agama yang berteraskan nilai dan budaya tertentu juga berpotensi mempengaruhi persepsi responden terhadap model yang selari dengan falsafah pendidikan Islam, yang seterusnya menyumbang kepada skor yang tinggi. Di samping itu, penggunaan instrumen USE *Questionnaire* yang berasaskan persepsi mempunyai keterbatasan kerana ia kurang mengukur penggunaan sebenar atau keberkesanan jangka panjang model dalam amalan.

Sehubungan itu, dapatan kebolegunaan yang tinggi dalam kajian ini perlu dilihat sebagai indikasi penerimaan awal pengguna terhadap model dan bukan sebagai bukti langsung keberkesanan pelaksanaan dalam konteks sebenar sekolah. Beberapa kajian menegaskan bahawa tahap kebolegunaan yang tinggi tidak semestinya menjamin keberkesanan jangka panjang tanpa sokongan latihan, pemantauan dan budaya organisasi yang menyokong (Nielsen, 2000; Keith et al., 2017). Oleh itu, kajian lanjutan yang melibatkan pelaksanaan sebenar model serta penilaian impak terhadap hasil kepimpinan dan kemenjadian murid adalah diperlukan.

Secara keseluruhannya, dapatan perbincangan ini mengesahkan bahawa Model SCLeaM memenuhi kriteria kebolegunaan yang tinggi dan selari dengan keperluan sebenar pemimpin sekolah agama di Malaysia. Muhammad Faizal A. Ghani (2019) juga menegaskan bahawa penilaian kebolegunaan mengukuhkan kesahan praktikal sesuatu model pembangunan pendidikan. Oleh itu, model SCLeaM menyumbang kepada pengembangan literatur kepimpinan berpusatkan murid dalam realiti institusi pendidikan Islam serta berpotensi menjadi rujukan praktikal dalam usaha meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan sekolah agama di Malaysia.

5.1 Implikasi Kajian

Dari sudut amalan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Model Kepimpinan Berpusatkan Murid Pemimpin Sekolah Agama Malaysia boleh digunakan sebagai panduan sistematik oleh pemimpin sekolah agama dalam merancang, melaksana dan menilai amalan kepimpinan berfokuskan keperluan murid. Tahap kebolegunaan yang sangat tinggi merentasi semua domain menunjukkan bahawa model ini sesuai untuk digunakan dalam konteks sebenar sekolah tanpa memerlukan penyesuaian yang kompleks. Sebagai contoh, model SCLeaM boleh dijadikan kerangka rujukan dalam program latihan kepimpinan seperti kursus pembangunan pemimpin sekolah agama, bengkel peningkatan profesional berterusan serta modul induksi pemimpin baharu. Selain itu, model ini juga berpotensi digunakan sebagai instrumen refleksi sendiri bagi pemimpin sekolah dalam menilai dan menambah baik amalan kepimpinan mereka.

Dari sudut dasar, dapatan kajian ini memberi implikasi kepada pihak pembuat dasar pendidikan, khususnya di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, jabatan pendidikan negeri dan institusi latihan kepimpinan seperti Institut Aminuddin Baki. Model SCLeaM berpotensi dijadikan rujukan dalam pembangunan garis panduan kepimpinan sekolah agama serta integrasi dalam program latihan dan pembangunan profesional pemimpin sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja relevan di peringkat sekolah, tetapi juga boleh menyumbang kepada pengukuhan dasar dan amalan kepimpinan pendidikan Islam secara lebih sistematik di peringkat nasional.

Dari sudut teori dan penyelidikan, kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur berkaitan penilaian kebolegunaan model kepimpinan pendidikan dalam konteks tempatan, khususnya sekolah agama. Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang menggabungkan pengesahan pakar dan penilaian pengguna sebenar berupaya menghasilkan model yang sah secara teoritikal dan praktikal serta diterima oleh pengguna. Selain itu, dapatan ini membuka ruang kepada kajian lanjutan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan model SCLeaM terhadap hasil kepimpinan dan kemenjadian murid dalam konteks sebenar sekolah.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan menilai kebolegunaan Model SCLeaM sebagai Fasa 3 dalam kajian pembangunan berasaskan DDR. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa model ini mempunyai tahap kebolegunaan yang sangat tinggi berdasarkan persepsi pemimpin sekolah agama merentasi domain kebergunaan, mudah guna, mudah belajar dan kepuasan pengguna. Kesimpulannya, model SCLeaM merupakan satu model kepimpinan yang sesuai, praktikal dan berpotensi untuk diaplikasikan secara meluas dalam sistem sekolah agama di Malaysia. Penilaian kebolegunaan ini mengesahkan kesediaan model untuk digunakan dalam amalan sebenar serta menyokong pengesahan akhir model sebagai satu sumbangan signifikan kepada bidang kepimpinan pendidikan Islam di Malaysia.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr Muhammad Faizal A. Ghani dan Dr Norfariza Mohd Radzi atas penyeliaan, bimbingan serta sokongan moral yang berterusan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Segala komen dan cadangan yang konstruktif daripada mereka telah banyak membantu dalam menyempurnakan kajian ini. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya atas sokongan, dorongan serta pandangan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

Al-Attas, S. M. N. (2014). *Islam and Secularism* (3rd ed.). *IBFIM*.

- Ash, R. C., & Hodge, P. H. (2016). *Five critical leadership practices: The secret to high-performing schools*. Routledge. New York DOI: <https://doi.org/10.4324/9781315713021>
- Ayanda, N., & Yaw, A. O. N. (2025). The influence of instructional leadership on the performance of students in South African schools. *Ideguru: Jurnal Karya Ilmiah Guru*, 10(2). DOI: <https://doi.org/10.51169/ideguru.v10i2.1800>
- Bush, T., Hamid, S. A., Ng, A. Y. M., & Kaparou, M. (2018). School leadership theories and the Malaysia education blueprint. *International Journal of Educational Management*, 32(7), 1245–1265. DOI: <https://doi.org/10.1108/IJEM-06-2017-0158>
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage publications.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340.
- Day, C., & Sammons, P. (2016). The impact of leadership on student outcomes: How successful school leaders use transformational and instructional strategies to make a difference. *Educational Administration Quarterly*, 52(2), 221–258.
- Deligiannidou, T., Athanailidis, I., Laios, A., & Stafyla, A. (2020). Determining effective leadership qualities of a school principal from the perception of PE teachers in Greece. *Journal of Physical Education and Sport*, 20(3), 2126–2135. DOI: <https://doi.org/10.7752/jpes.2020.s3286>
- Gao, M., Kortum, P., & Oswald, F. (2018). Psychometric evaluation of the USE questionnaire for reliability and validity. *Proceedings of the Human Factors and Ergonomics Society Annual Meeting*, 62(1), 1414–1418. DOI: <https://doi.org/10.1177/1541931218621322>
- Grau, F. G., Valls, C., Piqué, N., & Ruiz-Martín, H. (2021). The long-term effects of introducing the 5E model of instruction on students' conceptual learning. *International Journal of Science Education*, 43, 1441–1458. DOI: <https://doi.org/10.1080/09500693.2021.1918354>
- Grier, R., Bangor, A., Kortum, P., & Peres, S. (2013). The system usability scale. *Proceedings of the Human Factors and Ergonomics Society Annual Meeting*, 57(1), 187–191. DOI: <https://doi.org/10.1177/1541931213571042>
- Hariyanto, D., Triyono, M., & Köhler, T. (2020). Usability evaluation of personalized adaptive e-learning system using USE questionnaire. *Knowledge Management & E-Learning: An International Journal*, 12(1), 85–105. DOI: <https://doi.org/10.34105/j.kmel.2020.12.005>
- Hidayat, A., Dhuhani, E. M., & Hasbiyallah, H. (2025). Evaluating the Acceptance and Use of Education Management Information System (EMIS) 4.0 in a Private Islamic Boarding School Based on the Technology Acceptance Model. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 349–362. DOI: <https://doi.org/10.31538/nzh.v8i2.150>
- Ho, K.-F., Ho, C.-H., & Chung, M. (2019). Theoretical integration of user satisfaction and technology acceptance of the nursing process information system. *PLoS ONE*, 14(6). DOI: <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0217622>
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394–400.
- Keith, R., Crosson, J., O'Malley, A., Cromp, D., & Taylor, E. (2017). Using the consolidated framework for implementation research (CFIR) to produce actionable findings. *Implementation Science*, 12, 77. DOI: <https://doi.org/10.1186/s13012-017-0550-7>
- Leithwood, K., & Jantzi, D. (2008). Linking leadership to student learning: The contributions of leader efficacy. *Educational Administration Quarterly*, 44(4), 496–528.
- Liu, Y., & Liu, Y. (2025). Advancing STEM Education for Sustainability: The Impact of Graphical Knowledge Visualization and User Experience on Continuance Intention in Mixed-Reality Environments. *Sustainability*, 17(9), 3869. DOI: <https://doi.org/10.3390/su17093869>
- Lund, A. M. (2001). Measuring usability with the USE questionnaire. *Usability Interface*, 8(2), 3–6.
- Mhd Omar, M. F. H., & Syed Ismail, S. H. (2022). Servant Leadership in Malaysian Da'wah NGOS: Western and Islamic Perspective. *'Abqari Journal*, 26(1), 1–18. DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol26no1.446>
- Mishra, A., Shukla, A., Rana, N., Currie, W., & Dwivedi, Y. (2023). Re-examining post-acceptance model of information systems continuance: A revised theoretical model using MASEM approach. *International Journal of Information Management*, 68, 102571. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2022.102571>
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrahimah Mat Noh, & Ahmad Arifin Sappar. (2018). *Pengenalan asas teknik Fuzzy Delphi dalam penyelidikan rekabentuk dan pembangunan*. Minda Inteltek
- Muhammad Faizal A Ghani. (2019). Reka Bentuk Instrumen Sekolah Berkesan Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 68–93.
- Nasir, N. (2020). Pengembangan Media Pembelajaran Pendidikan Agama Islam (Pai) Berbasis Web Di Kelas Viii Smp Unismuh Makassar. *Akademika*, 9(1), 127–138. DOI: <https://doi.org/10.34005/akademika.v9i01.813>
- Nielsen, J. (1996). Usability Metrics: Tracking Interface Improvements. *IEEE Softw.*, 13, 12–13. DOI: <https://doi.org/10.1109/ms.1996.8740869>
- Nielsen, J. (2000). *Why you only need to test with 5 users*. Nielsen Norman Group. <https://www.nngroup.com/articles/why-you-only-need-to-test-with-5-users/>
- Norazizah Che Mat. (2018). *Reka bentuk model kepimpinan berkesan institusi pendidikan tinggi majlis amanah rakyat*. University of Malaya (Malaysia).
- Richey, R., & Klein, J. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Lawrence Erlbaum Associates. <https://books.google.com.my/books?id=AW8jvKjJX34C>
- Robinson, V. (2011). *Student-centered leadership* (1st ed.). Jossey-Bass.
- Robinson, V., & Gray, E.-S. (2019). What difference does school leadership make to student outcomes? *Journal of the Royal Society of New Zealand*, 49(2), 171–187. DOI: <https://doi.org/10.1080/03036758.2019.1582075>
- Robinson, V., Lloyd, C. A., & Rowe, K. J. (2008). The impact of leadership on student outcomes: An analysis of the differential effects of leadership types. *Educational Administration Quarterly*, 44(5), 635–674. DOI: <https://doi.org/10.1177/0013161X08321509>
- Ruslan, B., Ramli, S., & Rosden, M. A. (2024). Kebolegunaan aplikasi jawlah tiktok dalam aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan huruf mutamathilah dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Al-Sirat*, 24(1), 104–113.
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, & Rozaini Muhamad Rozkee. (2020). *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan: Aplikasi Kepada Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit UPSI.
- Salleh, M. S. H. M., & Razak, A. Z. B. A. (2025). Usability Assessment Of The Leadership Model For Orang Asli Schools In Malaysia Using The Fuzzy Delphi Method (FDM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 10(57), 1–17. DOI: <https://doi.org/10.35631/ijepe.1057001>
- Shahril, R. N., & Makhbul, Z. K. M. (2025). Tanggapan Teknologi dan Motivasi Intrinsik Terhadap Penerimaan Sistem Maklumat: Kajian Awal di Sektor Awam. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 12(1), 120–130.
- Shanklin, R., Kortum, P., & Oswald, F. (2022). USE-Lite: Psychometric Item Reduction of the USE (Usefulness, Satisfaction, and Ease of Use) Questionnaire. *Proceedings of the Human Factors and Ergonomics Society Annual Meeting*, 66, 1882–1886. <https://doi.org/10.1177/1071181322661142>
- Sidek Baba. (2011). Tajdid ilmu dan pendidikan. In *Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.*
- Sidek Baba. (2015). Spiritual development in moral, civic and citizenship education. *Journal Of Creative Writing*, 1(1), 38–45. DOI: <https://doi.org/10.70771/jocw.v1i1.4>
- Siregar, H. (2023). Perceived Usefulness and Perceived Ease of Use of Online Learning for Islamic Religious Education Teacher. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 93–106. DOI: <https://doi.org/10.15575/jpi.v0i0.25518>
- Subekti, I., Hariyati, N., & Hendratno, H. (2025). Servant Leadership Model in Educational Design. *Journal of Innovation and Research in Primary Education*, 4(2), 195–202. DOI: <https://doi.org/10.56916/jirpe.v4i2.1220>
- Suparman, A. (2020). Pengaruh Penerimaan Teknologi Dalam Pembelajaran E-Learning (Studi Kasus Di Smk Pasundan Subang). *Ijd-Demos*, 1(2), 159–181. DOI: <https://doi.org/10.31506/ijd.v1i2.18>
- Suroso, I., & Ramandha, T. G. (2025). KP Pengaruh Promosi, Kemudahan Penggunaan dan Kepercayaan Konsumen terhadap Keputusan Pembelian pada

- Tokopedia di Kabupaten Kudus. *JUMBIWIRA: Jurnal Manajemen Bisnis Kewirausahaan*. 4(3), 237–257. DOI: <https://doi.org/10.56910/jumbiwira.v4i3.3218>
- Vagias, W. M. (2006). Likert-type scale response anchors. *clermson international institute for tourism. & Research Development, Department of Parks, Recreation and Tourism Management, Clemson University*, 4(5).
- Veeramootoo, N., Nunkoo, R., & Dwivedi, Y. K. (2018). What determines success of an e-government service? Validation of an integrative model of e-filing continuance usage. *Government Information Quarterly*, 35(2), 161–174. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.giq.2018.03.004>
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS Quarterly*, 425–478.
- Wang, L., Lew, S., Lau, S., & Leow, M. (2019). Usability factors predicting continuance of intention to use cloud e-learning application. *Heliyon*, 5. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2019.e01788>